

Socioeconomic Class And Self Concept Variables (Part 6)

Norrafidah Binti Wahid

3.0 KONSEP KENDIRI

3.1 Definisi Konsep Kendiri

Pengertian konsep kendiri menurut Shaffer(1985) ialah konsep kendiri adalah kefahaman seseorang terhadap dirinya sebagai individu yang memiliki satu set ciri-ciri diri yang unik dan istimewa. Ianya menjelaskan bahawa seseorang itu membuat penilaian mengenai dirinya berasaskan kesedaran tentang kelemahan dan kekuatan dirinya. Kesedaran ini timbul daripada maklum balas atau reaksi individu lain sepanjang pergaulannya dengan orang ramai. Selain itu, kesedaran mengenai diri sendiri adalah juga hasil daripada interaksi seseorang itu dengan individu lain.

Manakala menurut Rogers (1951) menyatakan bahawa konsep kendiri itu merupakan satu cara pembentukan personaliti individu yang mempunyai unsur –unsur seperti pemahaman tentang kebolehan dan sifat kendiri, konsep dan juga pemahaman diri dalam perhubungan dengan orang lain dan persekitarannya.

Secara umumnya, konsep kendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sama ada secara positif atau negatif . Dalam membina konsep kendiri, individu juga perlu menerima penilaian daripada orang lain. Oleh yang demikian, konsep kendiri seseorang itu meliputi pandangan atau persepsi tentang dirinya dan perasaan tentang keseluruhannya yang meliputi keyakinan diri dan harga dirinya.

Konsep kendiri juga turut meliputi aspek jasmani dan psikologi. Konsep kendiri negatif yang dialami oleh individu itu adalah disebabkan oleh kekurangan atau kecacatan fizikal. Seseorang yang mengalami kecacatan fizikal mungkin merasakan dirinya mempunyai kekurangan tertentu berbanding dengan orang lain yang sempurna sifat fizikalnya. Jika dilihat dari sudut psikologi, konsep kendiri juga berasaskan pada reaksi orang lain terhadap seseorang. Ia juga berkaitan dengan pandangan individu tentang keupayaannya, kelemahan-kelemahannya, nilai-nilainya dan perhubungan dengan orang lain . Kesemua perkara yang dinyatakan ini boleh memberikan kesan ke arah pembentukan identiti individu tersebut.

Oleh yang demikian , jelaslah bahawa konsep kendiri mempunyai peranan yang peranan yang penting kerana boleh mempengaruhi tingkah laku manusia. Apa jua yang difikirkan oleh individu tentang dirinya , keupayaan dan kebolehannya akan menentukan tingkah laku individu tersebut.

Continue...